



BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
ARAS 3 & 4, BLOK E2, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA
Tel : 03-88849586 (Aras 3) / 03-88849370 (Aras 4)
Faks : 03-88849315
Laman Web : <http://www.moe.gov.my/bs>



Ruj. Kami : KP(BPSH-PKICT)103/020/31 (31)
Tarikh : 30 Januari 2012

YTL Communication Sdn.Bhd

8th Floor, One Oriental Place
No. 1, Jalan Hang Lekiu
50100 Kuala Lumpur
(u.p. *Shahirul Amran (019-575 7711)*
Darrin Todd (012-381 2745))

Tuan,

**SURAT KELULUSAN KEBENARAN MEMASUKI PREMIS SEKOLAH BAGI
PELAKSANAAN PROJEK 1BESTARINET**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengeluarkan surat makluman kebenaran memasuki premis sekolah kepada semua Jabatan Pelajaran Negeri dan sekolah melalui surat rujukan KP(BPSH-PKICT)103/020/31 (30) bertarikh 30 Januari 2012 yang dilampirkan bersama ini.

3. Sehubungan dengan itu, tuan dibenarkan untuk memasuki premis sekolah seperti yang dipohon dan disenaraikan oleh pihak tuan dengan mematuhi syarat, peraturan dan tertib memasuki premis sekolah seperti berikut :

- 3.1 Membuat temujanji dengan pihak sekolah;
- 3.2 Masa lawatan ke premis sekolah adalah mengikut waktu bekerja dan dipersetujui bersama dengan pihak sekolah;
- 3.3 Berjumpa dengan Pengetua/Guru Besar atau pihak pentadbir sekolah ketika memasuki dan meninggalkan kawasan sekolah;
- 3.4 Mempamerkan tanda pengenalan diri;
- 3.5 Berpakaian sesuai;
- 3.6 Tidak melakukan sebarang gangguan terhadap operasi sekolah, guru dan murid;
- 3.7 Tidak melakukan perkara-perkara yang melanggar peraturan sekolah seperti merokok dalam kawasan sekolah;
- 3.8 Hanya melakukan kerja-kerja yang berkaitan dengan tender sahaja dan dilarang melakukan kerja-kerja lain sama sekali; dan
- 3.9 Mematuhi semua ketetapan yang ditentukan oleh sekolah dari masa ke semasa.



4. Sekiranya pihak tuan mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, sila berhubung dengan Encik Ahmad Faris bin Johan di talian 03-88849443 dan Encik Azlin bin Sanip di talian 03-88849458 dari Bahagian ini.

Kerjasama dan keprihatinan tuan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



DATO' HAJI MAZLAN BIN MOHAMAD, D.S.A.P., D.I.M.P.
Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Sektor Operasi Pendidikan

Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan

Pengarah
Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional

Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam

Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas

Ketua Programme Management Office
Kementerian Pelajaran Malaysia

Semua Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri



BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
ARAS 3 & 4, BLOK E2, KOMPLEKS E
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
Tel : 03-88849586 (Aras 3) / 03-88849370 (Aras 4)
Faks : 03-88849315
Laman Web : <http://www.moe.gov.my/bs>



Ruj. Kami : KP(BPSH-PKICT)103/020/31 (30)
Tarikh : 30 Januari 2012

Semua Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PELAKSANAAN PROJEK 1BESTARINET : KEBENARAN MEMASUKI
PREMIS SEKOLAH

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan Projek Perkhidmatan 1BestariNet mulai Januari 2012 di semua sekolah seluruh negara secara berperingkat. Projek ini dilaksanakan oleh YTL Communication Sdn. Bhd. iaitu syarikat yang telah dilantik bagi melaksanakan perkhidmatan ini.

3. Dalam proses pelaksanaan, pihak syarikat akan melakukan lawatan tapak dan kerja-kerja pemasangan di dalam kawasan sekolah di lokasi yang dikenalpasti dengan melibatkan jentera berat. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dipohon untuk memaklumkan kepada Pejabat Pelajaran Daerah/Gabungan dan sekolah-sekolah yang berkenaan perkara ini serta meminta sekolah memberi kerjasama supaya pelaksanaan 1BestariNet ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Bersama-sama ini dilampirkan senarai sekolah yang dibekalkan oleh pihak pembekal seperti di **Lampiran A** untuk tindakan dan perhatian pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan serta memaklumkan kepada sekolah berkenaan.

4. Sekiranya pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, sila berhubung dengan Encik Ahmad Faris bin Johan di talian 03-88849443 dan Encik Azlin bin Sanip di talian 03-88849458 dari Bahagian ini atau Encik Mohd Zaidi bin Mohd Mustapa di talian 03-88846260 dari *Programme Management Office* (Inisiatif ICT), Kementerian Pelajaran Malaysia. Manakala maklumat bagi syarikat pembekal adalah seperti berikut:

Syarikat Pembekal	:	YTL Communication Sdn.Bhd 8th Floor, One Oriental Place No. 1, Jalan Hang Lekiu 50100 Kuala Lumpur
No. Telefon/Faks	:	03-2027 8888 / 03-2027 8828
Pegawai Bertanggungjawab	:	Shahirul Amran (019-575 7711) Darrin Todd (012-381 2745)

5. Bersama-sama ini disertakan garis panduan untuk pihak sekolah mengetahui dan mengambil tindakan bagi pelaksanaan projek ini seperti lampiran B.

Kerjasama dan keprihatinan YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.
Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



DATO' HAJI MAZLAN BIN MOHAMAD D.S.A.P, D.I.M.P
Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Sektor Operasi Pendidikan

Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan

Pengarah
Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional

Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam

Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas

Programme Management Office
Kementerian Pelajaran Malaysia